
1 Bagaimana undang-undang membentuk ciri negara bangsa Kerajaan Alam Melayu ?

[T4:B1:ms 4]

A Meluaskan wilayah pengaruh
B Mengukuhkan kedaulatan raja
C Menjadi panduan pemerintahan
D Membuktikan kesetiaan rakyat

2 Rajah berikut berkaitan hubungan timbal balik semasa Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah kepentingan hubungan tersebut?

[T4:B1:ms 13]

I Keunggulan pentadbiran diwarisi
II Kesejahteraan rakyat terjamin
III Kedaulatan raja terpelihara
IV Kemajuan negara tercapai

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3 Maklumat berikut adalah judul karya nasionalis Indonesia, Raden Adjeng Kartini.

Habis Gelap Terbitlah Terang

Apakah pendedahan yang diketengahkan melaui karya tersebut ?

[T4:B2:ms 30]

A Peranan rakyat dalam pemerintahan
B Sekatan ekonomi pihak penjajah
C Kemajuan bangsa Indonesia
D Dasar diskriminasi Belanda

4 Perkembangan nasionalisme di Thailand berbeza berbanding negara-negara Asia Tenggara yang lain.
Bagaimanakah nasionalisme di Thailand berkembang?

[T4:B2:ms 31]

A Mengubah nasib rakyat
B Manifestasi perjuangan sami
C Mengekalkan kedaulatan negara
D Menghapuskan penjajahan asing

5 Maklumat berikut adalah judul karya yang disiarkan dalam akhbar di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

Cerita Terkukur

Apakah mesej karya tersebut?

[T4:B3:ms 53]

A Kesedaran nasib bangsa
B Pergolakan politik dunia
C Kebangkitan tokoh tempatan
D Penentangan sistem penjajah

6 Apakah faktor yang mencetuskan Perang Dunia Pertama?

[T4:B3:ms 54]

A Kemunculan golongan intelektual
B Kegagalan Liga Bangsa
C Kebangkitan tokoh tempatan
D Persaingan kuasa imperialis

7 Perang Dunia Pertama memberikan kesan besar terhadap Eropah.
Apakah kesan tersebut?

[T4:B3:ms57]

A Kejatuhan sistem beraja
B Kepupusan ideologi komunis
C Kemerosotan empayar British
D Kelemahan Liga Bangsa-Bangsa

8 Apakah prinsip asas pembinaan nasionalisme semasa era Pemulihan Meiji di Jepun?

[T4:B2:ms 27]

A Bushido
B Kokokai
C Syonan-to
D Koa Kunrenjo

9 Kejayaan dalam perang di Eropah memberi keyakinan kepada Pihak Bersekutu untuk menghadapi dasar peluasan kuasa Jepun.
Apakah tindakan Pihak Bersekutu terhadap Jepun?

[T4:B3:ms 65]

A Mewujudkan Orde Baharu Asia
B Menyertai Pakatan Ketenteraan
C Menguasai wilayah di selatan
D Mengenakan sekatan ekonomi

10 Serangan Jepun di Tanah Melayu bermula dengan pendaratan tentera Jepun di Kelantan pada 8 Disember 1941.
Apakah faktor kedatangan Jepun ke Tanah Melayu?

[T4:B3:ms 68]

I Kemunculan ideologi baharu
II Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa
III Eksploitasi sumber bahan mentah
IV Kepentingan strategik ketenteraan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

11 Dalam persidangan Raja-raja Tanah Melayu dan Sumatera di Singapura, pentadbiran Jepun telah mengiktiraf Raja-raja Melayu.
Apakah bentuk pengiktirafan tersebut?

[T4:B3:ms 71]

A Menentukan kutipan cukai
B Membantu kuasa mentadbir
C Menjadi ketua agama Islam
D Memberikan kuasa perundangan

12 Selepas Jepun menyerah kalah, Bintang Tiga mengambil kesempatan menguasai pemerintahan di Tanah Melayu selama 14 hari.
Apakah kesan penguasaan Bintang Tiga terhadap orang Melayu?

[T4:B3:ms 84]

A Orang Melayu menentang gerakan Fi-Sabilillah
B Orang Melayu sedar tentang kepentingan perdamaian
C Raja-raja Melayu menyokong penguasaan Bintang Tiga
D Pemimpin Melayu melaksanakan undang-undang tentera

13 British Military Administration (BMA) diperkenalkan pada tahun 1945 bertujuan untuk mengembalikan kestabilan dan keamanan di Tanah Melayu.
Mengapakah BMA tidak berjaya melaksanakan tugas tersebut?

[T4:B4:ms 94]

A Penentangan pemimpin tempatan
B Pelaksanaan perintah berkurung
C Peningkatan kegiatan jenayah
D Penularan wabak penyakit

14 Mengapakah orang Melayu menerima Persekutuan Tanah Melayu 1948 tetapi menolak Malayan Union 1946?

[T4:B5:ms 136]

A Raja berkuasa mutlak
B Hak istimewa terjamin
C Syarat kerakyatan longgar
D Pengagihan kuasa ditamatkan

15 Mengapakah Parti Komunis Malaya (PKM) dipaksa menerima syarat Rundingan Baling pada tahun 1955?

[T4:B6:ms 160]

I Enggan menyerah diri
II Tidak mahu meletakkan senjata
III Saranan komunis antarabangsa
IV Pampasan tidak setimpal

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

16 Pada 1 Julai 1946, Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British.
Apakah faktor penyerahan tersebut?

[T4:B4:ms 107]

A Sokongan rakyat
B Tuntutan peribumi
C Desakan pembesar
D Masalah kewangan

17 Peristiwa Sungkit Berdarah membawa kepada pembunuhan Gabenor Duncan Steward oleh Rukun 13.
Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap penduduk Sarawak?

[T4:B4:ms 112]

A Mewujudkan kestabilan politik
B Mewujudkan perpecahan kaum
C Mengurangkan penentangan rakyat
D Membangkitkan semangat nasionalisme

18 Maklumat berikut berkaitan keahlian Jawatankuasa Kerja yang merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- Wakıl Raja-raja Melayu
- Wakil kerajaan British
- Wakil UMNO

Mengapakah golongan nasionalis Melayu radikal menolak penubuhan jawatankuasa tersebut?

[T4:B5:ms 128]

A Tiada wakil dalam perundingan
B Perlembagaan Rakyat ditolak
C Kedaulatan negara terancam
D Hak peribumi terjejas

19 Ahmad Boestamam merupakan pemimpin pertubuhan Angkatan Pemuda Insaf (API) yang ditubuhkan pada tahun 1946.
Apakah matlamat pertubuhan tersebut?

[T4:B7:ms 172]

A Menuntut hak peribumi
B Menyatupadukan penduduk
C Memperjuangkan kemerdekaan
D Memelihara kepentingan bahasa

20 Maklumat berikut berkaitan pilihan raya peringkat negeri 1954.

Parti	Bilangan kerusi dimenangi
Perikatan UMNO-MCA	226 daripada 268

Mengapakah parti tersebut memperoleh kejayaan besar?

[T4:B8:ms 197]

A Persediaan ke arah kemerdekaan
B Pemilihan kawasan pilihan raya
C Ketokohan calon bertanding
D Kerjasama antara kaum

21 Mengapakah Malaysia mengadakan pilihan raya umum setiap lima tahun sekali?

[T4:B8:ms 194]

A Menggalakkan persaingan partı politik
B Memilih kerajaan yang mantap
C Meneruskan warisan bangsa
D Menjamin kesejahteraan awam

22 Apakah terma rujukan utama yang terkandung dalam Perjanjian Persekutuan 1957?

[T4:B9:ms 220]

A Kerajaan Negeri yang kukuh
B Memelihara kedaulatan negara
C Kewarganegaraan berasaskan tempat lahir
D Menjamin kedudukan istimewa orang Melayu

23 Tokoh berikut berperanan besar dalam kemerdekaan negara**.**

- Tunku Abdul Rahman
- Ong Yoke Lin
- V.T. Sambanthan

Apakah nilai yang boleh dicontohi daripada tokoh tersebut?

[T4:B9:223]

I Bersopan santun
II Berjimat cermat
III Muafakat
IV Keterbukaan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

24 Bendera *Union Jack* diturunkan pada malam ambang kemerdekaan.
Apakah kesan peristiwa tersebut kepada Tanah Melayu?

[T4:B10:ms 238]

A Kemasukan imigran berakhir
B Wujudnya negara yang berdaulat
C Mengembalikan raja berkuasa mutlak
D Ancaman komunis berjaya dibanteras

25 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan kedaulatan undang-undang?

[T5:B1:ms 7]

A Pembentukan negara bangsa
B Raja pemerintah kuasa tertinggi
C Dipatuhi oleh kerajaan dan rakyat
D Sistem pemerintah berkuasa mutlak

26 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah dipinda selepas pembentukan Malaysia.
Apakah tujuan pindaan tersebut?

[T5:B2:ms 30]

A Memasukkan klausa baharu
B Membahagikan kerusi Parlimen
C Mengelakkan ancaman komunis
D Mengukuhkan kuasa Yang di-Pertuan Agong

27 Parlimen adalah badan perundangan tertinggi Malaysia.
Apakah peranan Parlimen?

[T5:B3:ms 53]

A Mentafsir Perlembagaan Persekutuan
B Melaksanakan pembangunan negara
C Membuat pindaan undang-undang
D Mengadili pertikaian antara rakyat

28 Senarai Bersama membolehkan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) menggubal undang-undang untuk perkara yang sama.
Perkara yang terkandung dalam Senarai Bersama ialah

[T5:B4:ms 70]

I kebajikan awam
II kewarganegaraan
III kerajaan tempatan
IV perlindungan hidupan liar

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

29 Idea gagasan Malaysia ialah menggabungkan bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara.
Apakah tujuan gagasan tersebut

[T5:B5:ms 90]

A Melicinkan sistem pentadbiran
B Meningkatkan peluang pentadbiran
C Menggalakkan kemasukan pelabur
D Mengukuhkan hubungan diplomatik

30 Maklumat berikut berkaitan perubahan politik di Indonesia.

Tarikh	30 September 1965
Peristiwa	Peralihan kuasa kepada Jeneral Suharto

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap Malaysia?

[T5:B5:ms 109]

A Perubahan sempadan negara
B Pengaruh komunis meluas
C Dasar konfrontasi tamat
D Sistem beraja berakhir

31 Mengapakah pengisytiharan pembentukan Malaysia yang dirancang pada 31 Ogos 1963 ditangguhkan?

[T5:B5:ms 104]

A Ancaman komunis Asia Tenggara
B Pemulauan penduduk tempatan
C Bantahan pemimpin Indonesia
D Permintaan Raja-raja Melayu

32 Mengapakah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dipinda pada tahun 1963?

[T5:B2:ms 30]

A Pelaksanaan pilihan raya
B Pembentukan Malaysia
C Pembubaran Parlimen
D Pemansuhan darurat

33 Apakah tindakan serta-merta yang diambil oleh kerajaan untuk menghentikan peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969?

[T5:B6:ms 129]

A Penapisan berita palsu
B Pengisytiharan perintah darurat
C Penempatan semula Masyarakat
D Pemerkasaan pasukan keselamatan

34 Maklumat berikut berkaitan cabaran pemisahan Singapura daripada Malaysia **.**

- Tuntutan pasaran bersama
- Cukai tambahan terhadap Singapura
- Faedah pinjaman RM150 juta

Mengapakah cabaran tersebut terjadi?

[T5:B6:ms 120]

A Hasutan kuasa asing
B Provokasi parti komunis
C Kemunculan golongan radikal
D Kegagalan rundingan

35 Apakah faktor pemisahan Singapura daripada Malaysia pada tahun 1965?

[T5:B6:ms 119]

A Ancaman komunis
B Keputusan pilihan raya
C Bantahan Majlis Negeri
D Konflik antara pemimpin

36 Maklumat berikut berkaitan prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

- Kebudayaan lain yang sesuai
- Islam sebagai unsur penting
- Kebudayaan rakyat asal

Bagaimanakah prinsip tersebut membentuk identiti negara?

[T5:B7:ms 151]

A Memartabat warisan bangsa
B Memupuk keperibadian unggul
C Meningkatkan kualiti kehidupan
D Melahirkan masyarakat berilmu

37 Bagaimanakah Dasar Ekonomi Baru 1970 hingga 1990 dapat memberi keadilan kepada semua kaum?

[T5:B8:ms 167]

A Menamatkan buta huruf
B Menjayakan pembangunan
C Menyusun semula masyarakat
D Meningkatkan jumlah penduduk

Suka sampel ini?

Kertas Sebenar SPM 2025

8 subjek SPM 2025

- BM Kertas 1 & 2, BI Kertas 2 + Speaking, Sejarah Kertas 2 + SPMU
- Matematik, Matematik Tambahan, Fizik Kertas 1 & 2, Kimia Kertas 2, Bahasa Cina Kertas 1 & 2
- Bonus: Sains Kertas 1 & 2, Sejarah Kertas 1 + jawapan, cadangan jawapan Matematik Kertas 2, Kimia Kertas 3 + skema, Pendidikan Islam Kertas 1, SPMU 2026 BM & Sejarah

RM24.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-sebenar-spm · FPX online banking · download serta-merta